



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **SIARAN MEDIA**

### **AMANAT KPPA 2025: MEREALISASIKAN REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM**

---

**PUTRAJAYA, 5 FEBRUARI 2025** – Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, hari ini telah menyampaikan **Amanat Tahun 2025**, dengan menggariskan hala tuju baharu iaitu **merealisasikan reformasi perkhidmatan awam ke arah kualiti perkhidmatan awam yang lebih telus, berintegriti dan diyakini.**

#### **FOKUS UTAMA AMANAT KPPA 2025**

Dalam ucapannya, YBhg. Tan Sri KPPA memfokuskan kepada lima penumpuan yang sejajar dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) bagi keseluruhan perkhidmatan awam. Kelima-lima penumpuan itu adalah membangunkan modal insan berkualiti, menghayati nilai-nilai murni, membangunkan organisasi dinamik, memperkukuhkan sinergi awam dan swasta serta merakmatkan penyampaian perkhidmatan.

Beliau menyeru pegawai awam **menterjemahkan penumpuan ini menerusi tindakan** agar **perkhidmatan awam terus relevan, cekap dan berdaya saing dalam memenuhi harapan rakyat.**

Tekad dan azam perkhidmatan awam pada tahun ini adalah:

- i. **Membangunkan modal insan berkualiti** melalui tajaan latihan bidang tujahan baharu kepada semua peringkat pegawai awam, penyaluran peruntukan latihan kepada kementerian, pemerkasaan tenaga pengajar Institut Latihan Awam (ILA) dan panduan pelaksanaan *coaching* pengurusan sumber manusia sektor awam;
- ii. **Menghayati nilai-nilai murni** melalui penerusan nyanyian lagu Negaraku dan Ikrar Rukun Negara, pemantapan kursus Malaysia

- MADANI, penubuhan jawatankuasa tatakelola, pembudayaan nilai-nilai H.E.M.A.T. dan pemerkasaan Program Transformasi Minda;
- iii. **Membangunkan organisasi dinamik** melalui pelantikan Chief Reform Officer (CRO), pelaporan status reformasi dan kesinambungan rasionalisasi agensi-agensi awam;
  - iv. **Memperkuhkan sinergi awam dan swasta** melalui kerjasama penyediaan infrastruktur dan fasiliti awam, latihan dan pembangunan modal insan serta pendigitalan dan automasi perkhidmatan awam, inisiatif kebajikan dan faedah pegawai awam serta pelaksanaan penyelidikan, kajian polisi dan pembangunan dasar;
  - v. **Merakyatkan penyampaian perkhidmatan awam** melalui pembangunan Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam (IPPA), penyebaran sistem Demerit Performance Evaluation (DEEP), pelaksanaan program latihan peningkatan kompetensi pasukan komunikasi agensi, penyediaan Pelan Komunikasi Total oleh pasukan komunikasi agensi, penggubalan akta ILTIZAM, perluasan pusingan kerja pegawai awam ke peringkat Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun, pengenalan Skim Lantikan Tetap Bercarum (LTB) dan menjayakan peranan Malaysia dalam Kepengerusian ASEAN 2025.

## **PELANCARAN GERBANG MAKLUMAT PERSARAAN DAN PENAJAAN**

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan dalam merealisasikan **transformasi digital sektor awam**, JPA hari ini turut melancarkan Gerbang Maklumat Persaraan dan Penajaan – sebuah platform digital komprehensif yang bertujuan **memudahkan akses maklumat serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan** kepada **pegawai awam, pesara kerajaan, dan pelajar tajaan JPA**.

Sejak dibangunkan pada tahun 2024, platform ini telah menyediakan **9 program khusus untuk pelajar dan 16 program penajaan bagi pegawai awam**, menawarkan peluang yang lebih luas kepada kumpulan sasar. Dengan reka bentuk yang **moden, minimalis dan responsif**, gerbang maklumat ini bukan sahaja **lebih mesra pengguna**, malah memastikan maklumat yang diberikan adalah lebih **telus, tepat dan mudah diakses**.

Menurut YBhg. Tan Sri KPPA, inisiatif ini membuktikan komitmen JPA dalam **memodenkan sistem perkhidmatan awam**, menjadikan penyampaian maklumat **lebih pantas, menyeluruh, dan relevan**. Malah, platform ini juga berfungsi sebagai **ejen pemasaran maklumat**, membolehkan peluang

penajaan dan rundingan persaraan disampaikan secara lebih efisien kepada kumpulan sasar.

## **MEMPERKASA PEGAWAI AWAM MELALUI PANDU CITRA DAN PEMBANGUNAN BAKAT**

Seiring dengan pelancaran platform digital tersebut, JPA turut memperkenalkan **Garis Panduan Pandu Citra dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam melalui INTAN**. Inisiatif ini mengangkat konsep *coaching* atau **pandu citra** sebagai kaedah untuk membimbing pegawai awam dalam **meneroka potensi diri dan meningkatkan prestasi profesional**.

“Itizam JPA jelas dalam mempertingkatkan keupayaan pegawai awam melalui bimbingan berstruktur seperti pementoran, kaunseling, dan konsultasi. Ketua jabatan serta pengurusan sumber manusia perlu memastikan pembudayaan pandu citra ini dapat membangunkan potensi diri pegawai awam, sekali gus mewujudkan budaya kerja yang lebih terbuka, kolaboratif, dan berorientasikan penyelesaian,” ujar YBhg. Tan Sri KPPA.

Bagi memastikan amalan *coaching* dalam sektor awam lebih tersusun dan berkesan, Prosedur Pentauliahan Pemandu Citra Profesional turut diperkenalkan, menggalakkan kepimpinan transformasional serta peningkatan daya saing dalam perkhidmatan awam.

## **KOMITMEN JPA KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM BERTARAF DUNIA**

Selaras dengan **aspirasi merealisasikan reformasi perkhidmatan awam**, JPA akan terus memberi penekanan terhadap **penyediaan dasar dan sistem yang responsif terhadap keperluan rakyat**. Inisiatif ini **menyokong agenda Kerajaan** dalam memperhebatkan perkhidmatan awam melalui **pendigitalan yang mempermudah urusan pengurusan maklumat**.

Dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif inovatif ini, JPA menegaskan **komitmen dalam memacu pembaharuan, membangunkan bakat, serta memperkukuh perkhidmatan awam** bagi mencapai **matlamat strategik negara**.

###

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 5 Februari 2025  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No.Rujukan : JPA 100-9/1/2 Jld.2 (94)